

Lebih 95 peratus graduan 5 universiti awam dapat kerja

Pencapaian diukur dalam kajian Kebolehpasaran Graduan Universiti Awam

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lima universiti awam menunjukkan kualiti terbaik kerana lebih 95 peratus graduan mendapat pekerjaan sekurang-kurangnya enam bulan selepas menamatkan pengajian.

Pencapaian tertinggi dicatat oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM), iaitu lebih 97.9 peratus, diikuti Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) (96.9 peratus), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) (masing-masing 96.2 peratus) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) (95.4 peratus).

Pencapaian itu diukur dalam kajian Kebolehpasaran Graduan Universiti Awam bagi tahun 2021 yang dikeluarkan Kementerian Pengajian Tinggi semalam.

Naib Canselor UTM, Prof Da-

tuk Ts Dr Ahmad Fauzi Ismail, berkata pencapaian universiti berkenaan tahun lalu yang tertinggi, berbanding sebelumnya.

Katanya, kejayaan cemerlang itu seiring dengan misi universiti untuk menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif.

"Dapatan daripada kajian ini juga membuktikan UTM berjaya menyediakan ekosistem pengajaran dan pembelajaran yang mampu menghasilkan graduan yang berkualiti dan kompeten, sejajar dengan keperluan majikan.

"Dengan kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi, UTM akan terus kekal relevan untuk mensejahterakan kehidupan dan menjulang bangsa," katanya dalam kenyataan.

Ahmad Fauzi berkata, UTM

sebuah universiti awam yang menyahut hasrat menjadikan agenda kebolehpasaran graduan sebagai agenda utama.

Katanya, pelan hala tuju enVision 2025 UTM turut meletakkan kebolehpasaran graduan sebagai petunjuk prestasi utama yang menekankan kepada pendapatan berkualiti dengan kebolehpasaran premium.

Beliau berkata, Sistem Kajian Pengesanan Graduan 2021 yang dijalankan ke atas 4,663 graduan semasa UTM, menunjukkan kelompok sasaran itu berjaya mendapat tempat dalam pasaran kerjaya di pelbagai sektor.

"Ada di antara mereka ditawarkan bekerja di syarikat dengan pendapatan berkualiti atau premium, iaitu melebihi RM4,000," katanya.

“Dapatan daripada kajian ini membuktikan UTM berjaya menyediakan ekosistem pengajaran dan pembelajaran yang mampu menghasilkan graduan yang berkualiti dan kompeten, sejajar dengan keperluan majikan”

Ahmad Fauzi Ismail,
Naib Canselor UTM

